

29 MAR 2002

Konvensyen-MIC

MIC MINTA BN BUKA LEBIH BANYAK PELUANG UNTUK MASYARAKAT INDIA

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan MIC Negeri Selangor Datuk G. Palanivel meminta kepimpinan Barisan Nasional (BN) terus membantu masyarakat India bagi membolehkan mereka menikmati peluang dalam program pembangunan negara terutamanya ekonomi.

Beliau berkata MIC berharap pucuk pimpinan BN dapat memperkenalkan program untuk masyarakat India yang masih di bawah paras kemiskinan selain mewujudkan lebih banyak peluang bagi mereka dalam projek-projek kerajaan.

Semasa berucap pada Konvensyen BN di sini, hari ini beliau juga meminta kerajaan mengenal pasti dan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah pekerja-pekerja ladang dan melaksanakan program perumahan untuk mereka.

Konvensyen sehari itu, yang pertama kali diadakan, dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Palanivel, yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata sebagai parti yang mewakili masyarakat India, MIC akan terus memainkan peranan relevan dalam membangunkan kehidupan masyarakat selain memastikan kesinambungan dalam usaha membawa masyarakat India kepada pembangunan arus perdana.

"Kita komited untuk melatih para pemuda kita demi mencapai hasrat dan permintaan negara ke arah itu," katanya sambil memberi contoh penubuhan Insititut Pembangunan Pendidikan Maju dan Kolej TAFE khusus untuk tujuan itu.

Dalam bidang pendidikan, katanya MIC membantu ramai pelajar termasuk yang berketurunan India dengan menawarkan biasiswa dan bantuan kewangan pendidikan berjumlah kira-kira RM30 juta setakat ini.

Beliau berkata seramai 20,000 pelajar telah dilatih dalam bidang kemahiran tertentu melalui Kolej TAFE.

Sebuah Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia juga ditubuhkan di Kedah hasil sumbangan dan derma daripada pelbagai pihak termasuk masyarakat Melayu dan Cina, kata Palanivel.

"Rancangan MIC ialah menawarkan tempat kepada sekurang-kurangnya 10,000 pelajar setiap tahun untuk melanjutkan pelajaran mereka," katanya.

Sehingga hari ini, MIC mempunyai kira-kira 500,000 anggota dengan 5,000 cawangan di seluruh negara.

-- BERNAMA

WNZ HS NAK